

HARI : RABU
TARIKH : 29/1/2020
M/SURAT : 14A

Dua surat dihantar kepada Zuraida

Putrajaya: Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail mengesahkan Naib Presiden PKR, Zuraida Kamaruddin bukan sahaja menerima surat tunjuk sebab atas salah laku disiplin, tetapi turut menerima satu surat saman daripadanya untuk dijawab.

Saifuddin berkata, surat tunjuk sebab itu dikeluarkan oleh Lembaga Disiplin parti, manakala surat saman dikeluarkan oleh peguamnya kerana Zuraida didakwa mengeluarkan pertuduhan fitnah terhadap dirinya.

"Selain surat yang dikeluarkan oleh Lembaga Disiplin, saya ada bagi satu

lagi surat saman, surat itu dikeluarkan secara peribadi dan tiada kena mengena dengan parti.

"(Surat saman itu mengandungi) ucapan dia yang mengandungi unsur pertuduhan dan fitnah terhadap saya, dan saya minta peguam saya untuk menghantar (surat saman)," katanya selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di sini, semalam.

Dalam majlis berkenaan, Saifuddin yang juga Menteri KPDNHEP turut merasmikan wajah baru portal kementerian berkenaan.